



## PEJABAT PILIHAN RAYA NEGERI PULAU PINANG

# KENYATAAN MEDIA

### PROGRAM *OUTREACH* DI TAPAK PESTA PULAU PINANG BAGI TAHUN 2018

1. Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan Program *Outreach* iaitu pembukaan kaunter pendaftaran pengundi di Pesta Pulau Pinang 2018 bermula pada 24 November 2018 sehingga 31 Disember 2018.
2. Pelbagai perkhidmatan ditawarkan secara percuma dalam acara tahunan yang disertai oleh Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2010 ini antaranya adalah seperti berikut:
  - 2.1 Pendaftaran pemilih baru;
  - 2.2 Permohonan pertukaran alamat tempat mengundi mengikut alamat terkini dalam kad pengenalan;
  - 2.3 Semakan daftar pemilih; dan
  - 2.4 Aduan terutamanya kepada warganegara yang menghadapi masalah berkaitan daftar pemilih yang digunakan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lalu.
3. Selain itu, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan iaitu acara cabutan bertuah, tayangan video berkaitan urusan pilihan raya, sudut informasi sejarah Pilihan Raya Umum di Malaysia serta khidmat nasihat berkaitan fungsi-fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya secara keseluruhannya.
4. Sehubungan dengan itu, orang ramai dijemput untuk berkunjung ke kaunter Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang di Gerai B23, Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang (berhampiran dengan pondok polis) yang beroperasi pada setiap hari mulai jam 6.00 petang hingga 11.00 malam.

Sekian, terima kasih.

**RAVEENDRAN NAIR A/L K.KESAVAN NAIR**

Pengarah Pilihan Raya

Negeri Pulau Pinang

Tarikh: 27 November 2018 / 19 Rabiulawal 1440 H